

TALKING POINT

BRIG. JENERAL DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

DI MAJLIS PERASMIAN IHTIFAL IHYA' RAMADHAN

DI DEWAN KAPITOL UniMAP

PADA 9 OGOS 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan

Salam Satu UniMAP.

Yg Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor Penyelidikan dan Inovasi UniMAP,

Yg Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Naib Canselor Akademik
dan Antarabangsa UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Yang Berusaha Ustaz Hassan Haji Arshad, Penyelaras Unit
Agama Islam,

Bahagian Media PNC - SUHANA

Dekan-Dekan dan Ketua-Ketua Jabatan, seterusnya warga UniMAP yang saya kasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, marilah sama-sama kita merafakkan kesyukuran ke hadhrat Allah SWT kerana memberikan kita lindungan di bawah rahmatNya untuk kita terus menghirup udara segar dan meneruskan kehidupan di dunia ini. Sekalung tahniah dan penghargaan saya buat warga Unit Agama Islam yang berjaya menganjurkan majlis ini meskipun dalam keadaan kita yang agak sibuk dengan Konvokesyen Kali Ke-5 yang baru berlalu.
2. Sesungguhnya, begitu pantas masa berlalu, dan kurang beberapa hari sahaja lagi, Umat Islam bakal menyambut bulan Ramadhan Al-Mubarak – bulan yang penuh keberkatan dan rahmat Allah.
3. Baginda Rasulullah SAW sendiri telah bersabda bagi menggalakkan sahabat-sahabat menggandakan amalan pada bulan Ramadhan seperti yang tercatat dalam Hadith Riwayat Imam Ahmad dan Nasai dan Baihaqi daripada Abi Hurairah yang bermaksud :

***“Telah tiba kepada kamu, Bulan yang penuh berkat,
diwajibkan ke atas kamu berpuasa padanya,***

Bahagian Media PNC - SUHANA

dibukakan padanya segala pintu syurga, ditutup segala pintu neraka, dibelenggu para syaitan, padanya ada satu malam yang lebih baik dari seribu bulan.” –

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Banyak kelebihan dan manfaat yang akan diperolehi oleh umat Islam yang menyempurnakan ibadat puasa ini yang mana berdasarkan sebuah hadith Rasulullah SAW menyatakan dengan jelas :

“Barangsiapa yang berpuasa ramadhan dengan penuh keimanan dan pengharapan, nescaya akan diampunkan dosanya yang telah lalu.”

5. Justeru, saya amat mengharapkan agar warga UniMAP mengambil peluang yang hanya hadir setahun sekali ini, untuk menyempurnakan ibadat masing-masing dengan seikhlas hati dan pada masa yang sama meningkatkan amalan-amalan sunat yang digalakkan sepanjang bulan Ramadhan.

6. Dan untuk mengimarahkan lagi sambutan Ramadhan pada tahun ini, pihak Unit Agama Islam dengan kerjasama semua PTJ dan Unit-unit di UniMAP telah merancang pelbagai aktiviti iaitu antaranya Majlis Tadarus Al-Quran, Musabaqah Tilawah Al-Quran, Risalah Ramadhan,

Memasak Bubur Lambuk, berpuasa 6 hari dalam bulan Syawal dan sebagainya yang melibatkan semua warga UniMAP yang terdiri daripada kakitangan dan siswa-siswi.

Hadirin dan hadirat sekalian,

7. Pada tahun ini juga, pihak Unit Agama Islam telah memperkenalkan beberapa aktiviti baru yang mana salah satu daripadanya ialah pelancaran Tabung Ramadhan “Infaq@Unimap”. Infaq merupakan perkataan Bahasa Arab yang beerti Sumbangan atau sedekah. Program ini dianjurkan untuk mendapatkan sebilangan dana yang akan disumbangkan kepada pihak yang memerlukan samada di Hospital, rumah anak yatim dan sebagainya.
8. Alhamdulillah, meskipun tabung ini dilancarkan secara rasminya hari ini, tetapi setakat sekarang kita telah menerima sumbangan sekitar RM2,500 dari pelbagai pihak termasuk Kedutaan Arab Saudi, Muslim World League, Vendor dan lain-lain pihak.
9. Tidak ketinggalan, UniMAP juga buat kali pertamanya telah menganjurkan Pertandingan “Imam Muda” yang berlangsung pada 1 Ogos lalu membabitkan 26 orang kakitangan dan pelajar UniMAP. Besarlah harapan saya, barisan imam muda ini mampu menarik warga UniMAP

untuk sama-sama mengimarahkan bulan Ramadhan di PTJ dan unit masing-masing.

10. Bagi imam muda di kalangan pelajar pula, anda merupakan generasi pelapis yang akan bertanggungjawab mengimarahkan surau di setiap kolej kediaman. Rancanglah aktiviti yang bersesuaian agar bulan Ramadhan ini tidak sunyi dengan aktiviti. Saya meletakkan kepercayaan penuh kepada anda semua untuk menganjurkan apa jua program dan aktiviti yang membawa kebaikan untuk kita semua.

11. Kepada warga UniMAP pula, sukalah saya mengingatkan anda semua agar menggandakan amal ibadah di dalam bulan Ramadhan pada kali ini. Penuhilah masa kalian dengan bertadarus Al-Quran, berterawih, bersedekah dan lain-lain lagi. Dan dalam masa yang sama, janganlah menjadikan puasa sebagai alasan untuk tidur seharian, pasif dalam kerja kerana sejarah kegemilangan umat Islam telah membuktikan banyak siri-siri peperangan yang berlaku di dalam Bulan Ramadhan.

Saya tidak ingin berbicara panjang pada pagi ini, tetapi sebelum mengundurkan diri, izini saya mendeklamasikan sebuah puisi bertajuk **Yang Sentiasa Dirindui** untuk renungan kita bersama :

**Pabila Syaaban merangkak berlalu
Sang Ramadhan menerpa bahagia
Membawa seribu makna
Penuh tersurat dan tersirat
Abstrak di balik nur mengiring segala rahmat
Nur bersinaran gemilang**

**Wahai Ramadhan
Kau sungguh suci
Bertebaran putih syuhadah
Tiada kata mampuku dendangkan
Hanya rasa dan cita
Mampuku semadikan dalam kotak fikir**

**Wahai ramadhan
Nurmu membawaku teratak sinar Ilahi
Begitu tenang mengikut aliranmu
Akanku turut segala janji
Bukanku pasrah mengikut janji
Tegaku tempuhi demi Ilahi
Hanya bahagia yang menemani
Kesucianmu membersihkan nurani
*(bersambung lagi)***

**Ramadhan yang dirindui,
Kau ibarat kasih kekasih
Merindui kucupan syahdumu
Ku senantiasa inginkan keharumanmu
Wangianmu itu memberi kedamaian abadi**

**Wahai ramadhan peluklah daku
Agarku tak lemas dalam leka
Agarku tak hanyut di lambung badai durjana
Agarku tetap disisi
Meniti hari-hari muka
Mendampingimu buat sekian lamanya**

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.